

STRUKTUR DAN HUBUNGAN MASYARAKAT MELAYU TRADISIONAL BERDASARKAN SEJARAH MELAYU: SATU PERBINCANGAN TEORITIS

HANAPI DOLLAH
Universiti Kebangsaan Malaysia

SYNOPSIS

This article tries to discuss the structure of the Malay traditional society. Essentially the discussion will be focussed on the pattern of the relationship between ruler and ruled. Works on Malay studies written by colonialists (plus orientalists) and our own scholars seem to suggest that the relationship was based on binary opposition. Both groups have suffered from the fact that their analytical concepts and models have been borrowed, and applied, directly from the European context. This article argues that those of the concepts or models which were invented from European context, such as feudalism and peasantry are irrelevant to our traditional society. Indeed, having claimed that such concepts or models are invalidated, this article tries to put forward the conceptual framework which is formulated in Sejarah Melayu (The Malay Annals). According to Sejarah Melayu the structure of the Malay traditional society was built upon the complementary relationship between the ruler and the ruled.

Pendahuluan

Tulisan ini adalah satu perbincangan mengenai struktur dan hubungan masyarakat Melayu tradisional (MMT). Ia lebih merupakan penelitian semula, di mana cuba dibahasakan kembali tentang teori-teori atau konsep-konsep yang dikenakan ke atas MMT oleh tulisan-tulisan yang ada setakat ini. Tulisan ini cuba menggunakan teori yang dikemukakan oleh sejarah Melayu (SM) dan menguji kebenaran teori tersebut. Justeru itu, ia bukan suatu tulisan yang memaparkan satu persatu MMT sebagai-mana yang diceritakan oleh SM tetapi hanya membahaskan rangka teori sahaja. Dengan lain perkataan, perbincangan yang akan dibentangkan adalah lebih bersifat teoritis.

Paradigm Kolonial

Kebanyakan, walaupun tidak semua tulisan yang ada, yang ditulis orang luar atau orang dalam¹ tentang MMT adalah mempunyai paradigm kolonial. Paradigm itu ialah:

¹ R. Emerson, *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1969; J. M. Gullick, *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1978; Khoo Kay Kim, *The Western Malay States 1850-1873*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1972; Philip Loh Fook Seng, *The Malay States 1877-1895*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1969; E. Sadka, *The Protected Malay States 1874-1895*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1968; R. J. Wilkonson, Notes on The Negeri Sembilan, *PMS*, 1911; R. J. Wilkonson, Event Prior to British Ascendency and Notes on Perak, *PMS*, 1924; J. R. Wilkonson, History of Perak, *JMBRAS*, XII, pt. 1, 1934; R. O. Winstedt, History of Selangor, *JMBRAS*, XII, pt. 3, 1934; R. O. Winstedt, History of Negeri Sembilan, *JMBRAS*, XII, pt. 3, 1934.

1. Penggunaan istilah tradisional, secara langsung dan mudah dilawankan dengan moden ataupun barat, sehingga menenggelamkan lapisan-lapisan maksud yang lain yang lebih bermakna. Ungkapan seperti moden atau barat bagi Pramoedy adalah ungkapan manis yang bertujuan menghindari persoalan *nurani* iaitu penjajahan.²

Di sini walaupun digunakan istilah tradisional tetapi tidak setakat berlawanan dengan konsep barat/moden malah berlawanan terus dengan penjajahan. Penjajahan ataupun Kolonialisme adalah satu peringkat di mana sistem dan fahaman kapitalis telah membelit masyarakat (tradisional) di luar barat. Dengan itu, MMT adalah masyarakat yang belum dihisapi dan dibeliti oleh kapitalisme.

2. Ekoran daripada pengertian tohor dan terlalu konvensional, tradisional lawan barat, maka sejarah MMT telah seolah-olah menjadi sejarah moden barat. Sekiranya diteliti akan peristiwa-peristiwa yang dianggap sejarah, jelas bahawa sejarah yang ada sekarang lebih merupakan sejarah kehadiran dan pertembungan orang barat dengan masyarakat Melayu. Tegasnya, sekira tiada watak 'mat salleh' maka peristiwa itu tidak bersejarah. Sepatutnya sejarah perlu ditafsir dan dinilai bersama zaman dan ketika yang melahirkannya. Oleh itu sejarah MMT perlu dilihat — ditafsir dan dinilai dalam lengkungan zamannya sendiri.

3. Keadaan di atas itu disebabkan oleh anggapan bahawa masyarakat bukan barat tidak ada sejarah tradisional dan statik.³ Sejarah MMT pun dianggap demikian juga. Umpamanya Graham⁴ dan Rentse⁵ mengatakan bahawa sejarah tradisional Kelantan kabur, dan tenggelam di dalam kekaburan itu. Anggapan itu ternyata tidak tepat dan ini dibuktikan oleh Rahmat Saripan.⁶ Di sini mereka bukan sahaja menidakkkan malah seolah-olah melarang (memberi amaran) kepada kita supaya tidak meneliti sejarah lempau.⁷ Ini sebenarnya adalah sifat tipikal orientalis.⁸

4. Bidang kajian tidak serata dan sempit. Ruang lingkup kawasan dan masa adalah tertumpu kepada Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (MMB) seperti Selangor, Perak, Negeri Sembilan dan Pahang pada pertengahan abad ke 19 dan selepasnya. Aspek yang dikaji pula berkisar disekitar pergolakan politik.

²Pramoedy Ananta Toer, *Sikap dan Peranan di Dunia Ketiga*, khususnya di Indonesia, Kertas seminar: Modenisasi dan Keperibadian Budaya Bangsa, Kuala Lumpur, 1983. hal. 4.

³B.S. Turner, *Marx and The End of Orientalism*, London: George Allen & Unwin, 1978.

⁴W. A. Graham, *Kelantan: A State of The Malay*, Glasgow, 1908, hal. 38.

⁵A. Rentse, *History of Kelantan I*, *JMBRAS*, XII, pt. 2, 1934, hal. 44.

⁶Rahmat Saripan, *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan 1776-1842*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1979.

⁷Anggapan ini begitu berpengaruh sama ada disedari atau tidak disedari di kalangan ahli sejarah. Apabila sahaja disebut sejarah tradisional lantas dianggap kabur. Umpamanya Khoo Kay Kim sendiri pernah berpendapat bahawa sejarah tradisional Perak adalah kabur. Koo Kay Kim, 1972, op. cit., hal. 12. Barangkali 'sejarah' bagi orang Melayu hanyalah sejarah kehadiran kolonial-imigran, tidak lebih dari itu.

⁸B. S. Turner, 1878, op. cit.

5. Sumber utama sejarah yang digunakan ialah tulisan catatan atau laporan Kolonialis seperti Thomas Braddell, Hugh Clifford, Hugh Low, William Naxwell, Fred Mc Nair, Frank Swettenham, Winstedt, Wilkinson, Snouck Hurgronje dan lain-lain. Sumber-sumber yang lain dianggap tidak ada dan kalau ada ia tidak bersifat sejarah.

Konsep-konsep MMT

Konsep atau teori yang telah dibangunkan mengenai MMT adalah dalam lengkungan Paradigm tersebut. Kajian yang agak khusus tentang struktur dan hubungan MMT telah dibuat oleh Gullick.⁹ Dalam kajian itu Gullick telah mengemukakan teori-teori pendekatan yang digunakan dalam mengkaji MMT.

1. Teori yang menggambarkan MMT sebagai masyarakat yang berkelas, yakni pemerintah dan rakyat, Kelas-kelas itu saling bertentangan dan berlaku pemerasan penindasan oleh kelas pemerintah ke atas kelas rakyat.
2. Teori yang menafikan hakikat teori pertama. Teori kedua ini menganggap MMT tidak wujud dalam keadaan demikian.

Gullick berpendapat teori kedua adalah khayalan dan tidak bertolak dari fakta sejarah.¹⁰ Oleh itu beliau memilih teori pertama dalam menganalisa MMT. Untuk membenarkan teori itu, Gullick mengutip laporan-laporan para pegawai kolonial:

Pada masa-masa yang lampau, tiada suatupun untuk dimakan kerana kekurangan kerbau, menanam padi amat sukar dan tiada seorang pun yang pasti bahawa ia tidak payah berpindah pada hari esoknya.¹¹

Pada zaman silam sebelum Selangor diganggu oleh perjuangan raja-raja yang bersaing, padi ditanam dengan banyaknya di daerah ini (Kuala Selangor) hinggalah bekalan jauh melebihi permintaan, meskipun pada masa itu negeri ini lebih ramai penduduknya dari sekarang. Rakyat Selangor hilang dalam masa kekacauan pada masa lalu dan sekarang hampir-hampir tidak ada lagi.¹²

Bahagian-bahagian dalam masyarakat Melayu tradisional saling bertentangan sehingga rakyat sebagai golongan yang diperintah bukan sahaja terpaksa berpindah dan tidak dapat melakukan pekerjaan (pertanian) mereka akibat huru-hara dan peredaran perebutan kuasa malah mereka juga menghadapi perampasan harta.

Orang-orang yang berkuasa iaitu Sultan, pegawai Negeri, Penghulu tempat-an atau anak raja, sesiapa sahaja yang berkuasa kuat . . . merampas seba-

⁹J. M. Gullick, 1978, op. cit.

¹⁰Ibid, hal. 2.

¹¹Annual Report NS 1892.

¹²Annual Report Sel 1904.

rang hasil mereka fikirkan patut, bila sahaja mereka rasa boleh dan cenderung.¹³

Sebilangan kecil sahaja rakyat yang mengumpul harta; sekiranya mereka berbuat demikian seorang raja akan merampas ataupun mewajibkan harta itu dipinjamkan kepadanya tanpa harapan untuk dibayar bali.¹⁴

Petikan-petikan di atas memperlihatkan pertentangan antara pemerintah dengan rakyat. Rakyat pada keseluruhan sentiasa mengalami pemerasan dan penindasan daripada pemerintah. Diperlihatkan dan diketengahkan bahawa pemerintah boleh berbuat apa sahaja kepada rakyat, seolah-olah rakyat tidak mempunyai apa-apa kuasa atau kekuatan untuk menandinginya daripada pemerasan dan penindasan pemerintah.

Apa yang diutarakan oleh Gullick bukan perkara baru atau asing. Ia adalah salah satu penulisan Kolonial (beliau sendiri adalah seorang pegawai Kolonial) dan penulisan begini telahpun dilakukan oleh Abdullah Munshi¹⁵ lebih seabad sebelumnya. Abdullah menulis:

Demikianlah berbulan-bulan, sehari-hari mengerjakan pekerjaan raja.¹⁶

Maka sekalian orang yang duduk dalam negeri itu (Pahang) sentiasa dengan ketakutan akan aniaya dan loba raja-raja dan orang besar-besar. Maka adalah fikiran mereka itu, "Apa guna rajin kita itu?" Maka jikalau mendapat sedikit wang atau makanan, nescaya, dilobakan dan dirampas oleh orang besar itu.¹⁷

. jikalau tiada pergi (berperang), di suruhnya rampas rumah sahaya dan barang sahaya; maka jikalau melawan dibunuhnya, lagi didendanya.¹⁸

Paradigm Kolonialism ini bukan sahaja mempengaruhi Gullick atau Abdullah Munshi, malah ia terus memerangkap penulisan-penulisan lain tentang MMT. Perangkap itu wujud dalam konsep-konsep yang dikenali sebagai *feudal*¹⁹ dan *peasantry*.²⁰

Apa yang tersirat dalam konsep-konsep itu ialah sama dengan apa yang dibicarakan oleh Abdullah Munshi dan apa yang dibangunkan oleh Gullick, iaitu hubung-

¹³ Annual Report Pk 1890.

¹⁴ Ibid.

¹⁵ Abdullah Munshi, *Kisah Pelayaran Abdullah*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967.

¹⁶ Ibid, hal. 83.

¹⁷ Ibid, hal. 43.

¹⁸ Ibid, hal. 83.

¹⁹ Konsep masyarakat feudal hampir diterima/diguna oleh ahli sains sosial terutamanya ahli sejarah. Tulisan yang membincangkan konsep ini dan kaitan dengan MMT telah dibuat oleh S. Hussein al-Attas. S. Hussein al-Attas, *Modernization and Social Change*, Sydney: Augus & Robertson, 1972, hal. 100-101.

²⁰ Konsep *peasantry* telah cuba dikemukakan akhir-akhir ini dengan mengatakan MMT adalah masyarakat *peasant*. Wan Hashim Wan Teh, *Perkembangan Pengajian Kaum Tani Melayu: Perselesaian Definisi*, *Jurnal Antropologi dan Sosiologi*, Jil 8, 1980, hal. 13.

an yang bercorak pertentangan atau *binary*, kerana kedua-dua konsep itu bersangkut-paut dengan struktur dan hubungan kelas: satu kelas menguasai dan memiliki sementara satu lagi dimiliki dan dikuasai.

Sistem feodal adalah corak masyarakat Eropah pada zaman pertengahan yang diasaskan kepada kelas sosial bercorak estates.²¹ Konsep feodal memberi makna bahawa golongan feodal atau elit/atasan memiliki segala-galanya — kekuasaan dan kekayaan ke atas barangan dan perkhidmatan yang terdapat dalam kawasannya. Di antara kelas pemerintah iaitu golongan feodal dengan kelas rakyat terdapat jurang yang amat luas dalam semua hal: ekonomi, politik, kebudayaan dan undang-undang. Kekuasaan dan kekayaan yang mereka miliki adalah hasil pemerasan ke atas rakyat, iaitu petani dan hamba abdi.

Sistem estate adalah diasaskan kepada pembahagian kawasan (manorial) kepada pembesar-pembesar. Pembesar tersebut bebas memerintah kawasan/daerahnya.

Pemakaian konsep feodal bagi negara-negara bukan Eropah adalah diragukan, kerana masyarakat Asia umpamanya tidak berasaskan kepada sistem estates. Kodszy telah mempersoalkan penggunaan konsep itu kerana dalam masyarakat Asia tidak ada corak pemerasan sebagaimana dalam sistem feodal.²² Sementara Turner lebih setuju dengan penggunaan konsep *Oriental Despotism*, iaitu sistem yang berasaskan kepada 'millets' dan *ethnic*.²³

Begitu juga halnya dengan teori kaum tani (peasant). Teori ini ditimbulkan oleh sarjana-sarjana yang mengikuti tradisi dialektika Karl Marx. Teori ini juga berpusat kepada hubungan *binary* antara kaum tani dengan bandar; malah teori ini menganggap kaum tani sebagai sebahagian masyarakat dengan sebahagian budaya²⁴ ataupun separuh masyarakat dan separuh budaya.²⁵

Kaum tani menghadapi penindasan dan pemerasan daripada bandar. Kaum tani sebagai pengeluar bahan makan utama dan tidak mempunyai apa-apa kuasa apabila berdepan dengan penduduk bandar terpaksa menukar, menyerahkan atau menjual sebahagian daripada keluaran mereka. Dalam sistem pertukaran itu, nilai yang dikeluarkan oleh kaum tani lebih banyak/tinggi daripada nilai yang diperolehinya.²⁶ Melihat kepada keadaan itu, seringkali dianggap kaum tani sebagai kelas bawahan yang hidup di bawah penindasan.²⁷

Penggunaan konsep-konsep atau teori-teori²⁸ itu ternyata tidak membawa kita

²¹ B. S. Turner, 1978, op. cit., hal. 53.

²² A. E. Kodszy dan E. Lobel, *The Arab World and Israel*, New York and London: Monthly Review, 1970.

²³ B. S. Turner, 1978, hal. 53.

²⁴ A. L. Kroeber, *Anthropology*, New York: Harcourt, Brace & World, 1948.

²⁵ R. Redfield, *Peasant Society and Culture*, Chicago: Chicago University Press, 1956.

²⁶ D. Thorner, Peasant Economy as A Category in Economic History, *Economic Weekly*, Special Number, 1963.

²⁷ E. Wolf, *Peasant*, New Jersey: Prentice-Hall, 1966.

²⁸ Konsep-konsep itu dibangunkan berdasar keadaan yang wujud dalam masyarakat barat, sedangkan MMT tidak menerima apa-apa pengaruh daripada barat. Satu keanehan apabila membincangkan pengaruh luar ke atas masyarakat dan budaya Melayu, diperkatakan tentang pengaruh Hindu dan Islam, tetapi apabila menganalisis masyarakat dan budaya Melayu digunakan pula konsep-konsep barat.

ke mana-mana kecuali daripada mengulangi apa yang telah dicatat dan ditulis oleh pegawai-pegawai Kolonial sebelumnya.

Perangkap Kolonialisme

Sejarah MMT barangkali sama seperti Kesusasteraan Melayu Tradisional yang telah dibicara oleh Muhammad Haji Salleh yang diperangkap oleh jaringan orientalisme.²⁹ Dalam hal ini saya lebih suka melebarkan perangkap tadi kepada Kolonialisme. Orientalisme adalah sebahagian daripada Kolonialisme yang khusus bertugas mengendalikannya penjajahan fikiran (colonising the mind).

Dalam usaha memahami perangkap itu, kita perlu memahami mekanismenya. Kolonialisme adalah peringkat kedua penguasaan kapitalisme yang sebelumnya telah wujud dalam bentuk mercantilism – syarikat-syarikat perdagangan seperti East India Trading Company, Levant Company, African Company, Vereenigde Oost-Indisch Compagnie dan lain-lain yang memburu rempah-rempah, emas, timah dan manusia (abdi) di Afrika Asia dan Amerika Latin.³⁰

Kolonialisme adalah suatu mekanisme yang lebih tersusun 'menghakis' kekayaan di kawasan Afrika, Asia dan Amerika Latin. Kekayaan itu 'dialirkan' ke barat. Kekayaan dan kemewahan masyarakat barat adalah kemalaratan dan kemiskinan di kawasan tersebut. Pramoedya mengatakan bahawa kolonialisme adalah proses pemiskinan yang sistematik negara yang dijajah.³¹

Untuk memberi pengadilan kepada pemburuan dan pemerasan yang boleh distilahkan sebagai 'kejahatan' mereka, orang barat melahirkan doktrin-doktrin yang 'membenar' tindakan itu.³² Bukan setakat 'membenarkan' malah doktrin-doktrin itu boleh pula memberi gambaran yang 'jahat' itu bukan mereka tetapi masyarakat yang mereka jajah itu sendiri. Kehadiran mereka di dalam masyarakat-masyarakat Afrika, Asia dan Amerika Latin adalah untuk menyelamatkan masyarakat berkenaan daripada 'kejahatan' dan itulah yang menjadi tugas malah beban yang dipertanggungjawabkan kepada orang barat.

Doktrin-doktrin itulah yang kemudian menjadi konsep/teori bagi menganalisis dan mengkaji masyarakat tanah jajahan. Oleh itu tidak hairanlah kalau mereka (barat) menggambarkan MMT kita penuh dengan kejahatan – penindasan, pemerasan dan huru-hara.³³ Tujuan mereka bahawa MMT yang jahat dan kehadiran mereka bukan untuk mengorek kekayaan kita tetapi untuk menyelamatkan masyarakat kita daripada 'kejahatan' kita sendiri.

Dengan kaedah yang begitu keterlaluan, Kolonialisme barat juga seberapa daya untuk melindungi (camouflage) bahawa kacau-bilau (kejahatan) yang berlaku di negara yang dijajah sebagai berpunca daripada mercantilisme dan Kolonialisme

²⁹ Muhammad Haji Salleh dan Harun Mat Piah, *Jalan Di Seberang Simpang: Arah Pengajian Sastera Melayu Tradisional*, Kertas seminar: Simposium Antarabangsa Kesusasteraan Melayu Tradisional, Bangi, 1982.

³⁰ A.M.M. Hoogvelt, *The Sociology of Developing Societies*, London: Macmillan, 1976.

³¹ Pramoedya, 1983, op. cit., hal. 1.

³² Ibid.

³³ Zainal Abidin Wahid, *Sejarah Dalam Pembangunan Malaysia, Sejarah dan Proses Pembangunan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1979.

mereka. Sekali lagi saya mengutip pendapat Pramoedya bahwa penjajahlah yang mengacau-bilau dan telah memperkosa sosio-budaya masyarakat yang dijajah.³⁴

Kemunculan mercantil dan Kolonial telah melemahkan/mengancam pemerintahan tempatan, dan dalam usaha pemerintah tempatan menghadapi ancaman kuasa mercantil dan Kolonial, ia terpaksa pula memperkuat dirinya sendiri dan salah satu cara ialah mencengkam daerah tekluknya. Keadaan begini bukan sahaja berlaku pada masyarakat yang secara langsung dan terus berhadapan dengan kuasa Kolonial seperti MMT tetapi juga dalam masyarakat seperti masyarakat Thai. Seorang General Thai mengatakan bahawa:

In order to strengthen the center against the attacks from European Powers, it was necessary to obtain a firm grip on the countryside, and use its resources to support the capital Avoiding colonization by Europe simply meant that we colonized our own people. This internal colonialism in which officials appointed from the metropolis and responsive to metropolis rule and drain the countryside like conquered provinces.³⁵

Keadaan demikian semakin serious sekiranya perebutan sumber kekayaan itu secara terus antara kuasa kapitalis dan kuasa tempatan sebagai berlaku di Tanah Melayu. Bagaimana Komprador China dan Pembesar Melayu bertarung sesama dan di antara mereka untuk menguasai punca kekayaan. Pertarungan itu adalah jelmaan intisari kapitalisme itu sendiri.³⁶

Apa yang digambarkan oleh pegawai-pegawai Kolonial tentang masyarakat tradisional, iaitu masyarakat tanah jajahan sebelum dijajah ialah bukan sejarah yang memaparkan kebenaran (truth) tetapi lebih merupakan alat (means) bagi mencapai dan menyamakan tujuan mereka. Walaupun sejarah dan rekod sejarah adalah bersifat seperti bahan mentah, boleh diproses untuk dijadikan alat dalam mencapai apa-apa tujuan,³⁷ tetapi sejarah dalam apa cara sekalipun akan membenarkan apa yang benar.

Sejarah Melayu

Masyarakat tradisional sebenarnya adalah masyarakat yang lebih besar daripada apa yang ditahyulkan oleh Kolonial. Achebe menganggap dunia nenek moyangnya adalah lebih kaya: our inheritance is richer than that . . . a narrow concept of a nation created by white people.³⁸ Malah kerajaan Robert Mugabe telah mengarahkan su-

³⁴ Pramoedya, 1983, op. cit., hal. 1.

³⁵ S. Kirdphol, Government Policy is Leading to Disaster in The Hills, *Bangkok Post*, 1976, Jan. 4th.

³⁶ Dilokvidhyarat, Internal Colonialism and Rural Resistance: A Preliminary Study on Absolutizing of the State in the Nineteenth Century and Reactions, Kertas seminar: Modenisasi dan Keperibadian Budaya Bangsa, Kuala Lumpur, 1983.

³⁷ A. Nadwi, The Case The Orientalists Must Answer, *Arabia*, 1983, Jan.

³⁸ C. Achebe, Mapping out Identity, *South*, 1983, Jan. hal. 27.

paya sejarah Zimbabwe ditulis semula, dengan itu penduduknya boleh membersihkan fikiran³⁹ mereka daripada pandangan buruk yang diberi oleh Kolonial.

Sekiranya orang Afrika beranggapan masyarakat nenek-moyang mereka demikian, maka sudah tentu masyarakat Melayu yang terletak di tengah-tengah perjalanan dunia semenjak awal abad-abad Mesehi boleh dianggap lebih baik dan lebih daripada apa yang dicatatkan oleh kolonialis. Kebesaran bangsa kita telah dibuktikan dengan kejayaan kita menamat kolonialisme lebih awal berbanding dengan kawasan-kawasan lain dunia.⁴⁰

Berdasarkan hakikat kekayaan 'akar' yang telah cuba diputuskan dan ditimbus oleh Kolonialisma, maka kini disedari bahawa persejaraan bangsa kita tidak lagi boleh dijelaskan tanpa bersandakan akar tersebut.

Ahli sejarah yang cuba menulis tentang sejarah Malaysia, akan gagal mengemukakan hasil karya bermutu sekiranya tidak mendalami buku-buku lama kepunyaan orang Melayu.⁴¹

Sejarah MMT bukanlah kabur dan bukanlah khayalan sebagaimana yang di dakwa atau dihukum oleh Graham atau Gullick. Malah yang membuat kekaburan dan khayalan ialah paradigm yang menguasai mereka.

Bahan-bahan yang bercorak kesusasteraan merupakan rekod sejarah yang penting. Kesusasteraan sama ada lisan atau tulisan merupakan kebenaran kepada masyarakat yang berkenaan.⁴²

Buku-buku lama Melayu adalah pengucapan tentang pengalaman interaksi manusia, merakamkan realiti.⁴³ Hasil-hasil kesusasteraan bukan sahaja 'medium' untuk hiburan tetapi lebih penting menolong pembentukan kesedaran dan tindakan sosial (Chinweizu 1983).⁴⁴

Sesudah kita berkesimpulan dan berkeputusan demikian, maka kita tidak boleh ketepikan kita SM sebagai satu sumber untuk membicarakan MMT. Seorang sejarawan tempatan berpendapat:

³⁹ Pembersihan fikiran (decolonising the mind) semenjak 10 tahun kebelakangan ini sedang muncul di negara-negara Dunia Ketiga (bekas tanah jajahan) terutama di Afrika. Perkembangan kesusasteraan di negara-negara tersebut telah masuk peringkat ketiga (akhir) dalam pembahagian yang dibuat oleh Frantz Fanon. Penulis-penulis terkenal di negara-negara berkenaan tidak lagi menulis untuk diakui dan diterima oleh publishers, editors, reviewers, critics dan prizegivers barat (Eropah dan Amerika Utara). Penulis-penulis seperti Nguzi Wa Thiong, Achebe, P' Bitek, Senghor, Tutuola telah mengeneipkan kesusasteraan barat sama ada dari segi stilistik atau ideologi. "They are shifting away from wanting to write for the world (Europe and North America) and from proving themselves before the world. They are now concentrating on writing first for the people of their own nation. African literature is going home now." Chinweizu, *Decolonising the Mind, South*, 1983, Jan.

⁴⁰ Lihat, Pramodya, 1983, op. cit., hal. 3.

⁴¹ Sulaiman Daud, Sejarah: Kaji Penghayatan Pelakun Utama, *Berita Minggu*, 1982, 31hb Okt.

⁴² Mohammed Abd. Aziz, Melalui Berita Mulut, *Kurier*, 1982, Okt-Nov.

⁴³ Zainal Kling, Penulisan dan Realiti, *Dewan Sastera*, 1983, Jan.

⁴⁴ Chinweizu, 1983, op. cit: Taine menganggap kesusasteraan sebagai cermin kecil yang dapat memancarkan segala aspek kehidupan alam. pd., D. Laurensen dan A. Swingewood, *The Sociology of Literature*, London: Paldin, 1972, hal. 32.

SM bukan hanya sebuah karya sejarah dan juga bukan hanya sebuah karya sastera, ia merupakan suatu dokumen yang amat penting — ia mengandungi lunas-lunas tradisi politik dan nilai sosial masyarakat Melayu.⁴⁵

SM bukanlah sebuah hasil karya yang lahir tanpa berencana. SM mempunyai komposisi yang baik dan sempurna. Ia mempunyai rangka-kerja (frame work) yang baik. Di bahagian awalnya, SM mengemukakan satu teori tentang struktur dan hubungan MMT dan bahagian-bahagian seterusnya ialah 'finding' untuk membenarkan teori yang digunakannya itu.

Teori yang dikemukakan oleh SM itu, diambil bagi menganalisa struktur dan hubungan MMT sebagai 'counter-theory' kepada teori-teori Paradigm Kolonial. SM mengemukakan rangka teorinya:

Maka sembah Demang Lebar Daun, "Adapun Tuanku segala anak cucu patik akan menjadi hamba⁴⁶ ke bawah Duli Yang Di Pertuan: hendaklah ia diperbaiki oleh anak cucu duli Tuanku. Dan jika ia berdosa, sebesar-besar dosanya pun jangan difadhilatkan, dinista. . . . dibunuh itupun kalau berlaku pada hukum syara.

Mata titah Sang Sapurba hamba minta anak cucu bapa hamba jangan durhaka pada anak cucu kita.

Maka sembah Demang Lebar Daun jikalau anak buah tuanku dahulu mengubah, maka anak cucu patikpun mengubahlah.

Maka bersumpah-sumpah barang siapa mengubah perjanjian itu dibalik Allah bumbungnya ke bawah, kaki tiangnya ke atas. Itulah sebabnya di anugerah Allah Subhanahuwataala⁴⁷

Rangka teori di atas mengesahkan bahawa asas masyarakat ialah saling bergantung atau bercantuman dan ia dijamin oleh suatu kepercayaan kepada Allah Subhanahuwataala. Dengan kata lain, MMT juga adalah masyarakat Islam.⁴⁸

Masyarakat Islam

Dalam memeriksa dan meneliti MMT kita terpaksa berundur jauh ke belakang agar ia tidak terhad dan tertumpu sebagai sejarah paradigam Kolonial yang telah dibicarakan itu.

Masyarakat Melayu tumbuh dan berkembang di rantau ini kira-kira 2,000 tahun

⁴⁵ Khoo Kay Kim, Kata Pengantar, dlm., Yusoff Iskandar dan Ab. Rahman, Kaeh, *Sejarah Melayu, Satu Perbincangan Kritis Dari Pelbagai Bidang*, Kuala Lumpur: Heinemann, 1972, hal. xi.

⁴⁶ Huraian tentang pengertian hamba dalam MMT telah dibuat dalam satu makalah lain. Hanapi Dollah, *Institusi Perhambaan Dalam MMT: Satu Analisa dari segi Teori Nilai, Malaysia dari segi Sejarah*, Jil. 11, 1982.

⁴⁷ *Sejarah Melayu, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967, hal. 25.*

⁴⁸ Di halaman lain dikisahkan unsur-unsur Islam itu seperti Tun Perak berpesan kepada anak cucunya supaya jangan menukar agama dengan dunia. *Sejarah Melayu*, Ibid, hal. 100.

dahulu iaitu tidak sebagaimana kemunculan masyarakat imigran. Sebelum Alam Melayu diterokai oleh Kolonial – imigran, pengaruh Islam telah berjaya menjadi dasar dan teras budaya dan masyarakat Melayu, sehingga kemudiannya Islam dan Melayu menjadi *synonymous*.

Dalam penelitian MMT menurut paradigm Kolonial sering kali, malah keseluruhannya, unsur keislaman diketepikan dan dianggap tidak bermakna. *Orientalists* seperti Snouck Hurgronje, Winstedt dan Van Leur beranggapan bahawa Islam adalah suatu unsur yang tipis dan tidak penting.⁴⁹

Sebagai masyarakat Islam, ia diasaskan kepada peraturan-peraturan hidup yang dibawa oleh al-Quran dan Hadith. Islam meletakkan bahawa tidak ada kelas dalam masyarakat Islam. Darjat seseorang itu hanya ditentukan oleh Allah mengikut ketakwaan seseorang iaitu bukan berdasarkan kuasa atau harta.

Wahai manusia, sesungguhnya kami telah menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan, dan telah menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku, agar kamu dapat mengenali satu sama lain. Sesungguhnya yang paling mulai ialah yang paling takwa antara kamu.⁵⁰

Hadith-hadith sahih juga turut menganjurkan: tolonglah sesiapa yang tertindas sama ada muslim atau bukan muslim. Perbuatan yang paling baik ialah menggem-birakan hati seseorang manusia, memberi makan kepada yang lapar, menolong yang susah, meringankan kedukaan yang duka dan menghilangkan kejahatan daripada orang yang ditindas; Allah tidak menaruh kasihan kepada orang yang tidak kasihan kepada semua manusia,⁵¹ Islam bukan sahaja tidak menganjurkan malah melarang/menegah penindasan. Dalam Islam semuanya adalah bersaudara.⁵²

Masyarakat Kampung

Sekiranya MMT disusurgalur dari segi asas sosial dan kawasan maka masyarakat Melayu adalah sebuah masyarakat kampung.⁵³ Kajian-kajian yang telah dilakukan

⁴⁹ Mohd. Taib Osman, *Kepercayaan Tradisional/Warisan Dalam Sistem Kepercayaan Orang Melayu di Tinjau Dengan pendekatan Anthropologi Budaya*, Universiti Malaya: Jabatan Pengajian Melayu, t.t.

⁵⁰ al Kuran (49 : 13)

⁵¹ Kasim Ahmad, *Risalah Masalah Teori Sosial Moden Islam*, Kuala Lumpur: Penerbit Pena, 1980, hal. 24-25.

⁵² Tentang keislaman orang Melayu, pada peringkat ideal mereka mematuhi Islam walaupun kadang-kadang perlakuannya berlawanan. Drewes telah menulis tentang ini antaranya: the Islamization of Indonesian is still in progress, not only in the sense that Islam is still spreading among pagan tribes, but also in that people who went over to Islam centuries ago are living up more and more to the standard muslim orthodoxy. Drewes, Indonesia: *Mysticism and Activism*, dlm., Van Grunebaun, ed., *Unity and Variety in Muslim Civilization*. Chicago: Chicago University Press, 1955, hal. 292.

⁵³ Dikenali dengan berbagai nama: Negeri (Minangkabau), Desa (Jawa) dan Marga (Selatan Sumatera).

antaranya oleh S. Husin Ali, Burr ridge, Gullick, Djamour, Downs dan Nash⁵⁴ memperlihatkan struktur dan hubungan sebagaimana di huraikan di bahagian lepas iaitu MMT sebagai masyarakat Islam.

Kampung lebih merupakan satu keluarga besar (extended) yang terjalin melalui darah, perkahwinan, susuan dan angkat. Rangkaian-rangkaian itu bukan sahaja menjalin anggota sekampung tetapi juga antara kampung. Melalui rangkaian itu juga anggota berinteraksi dan berhubungan dalam konteks seorang anggota adalah saudara (waris) kepada anggota yang lain.

Kehidupan sosial kampung adalah bersepadu dan digariskan oleh prinsip-prinsip tertentu iaitu kerjasama, tolong-menolong, gotong-royong, mesyuarat atau muafakat. Malah sesebuah kampung bukanlah hanya sebuah tempat (place) tetapi juga adalah satu ideologi.⁵⁵

Gabungan beberapa buah kampung menjadi daerah dan negeri. Kota dalam MMT bannangkali lebih merujuk kepada tempat kediaman pemerintah. Kota ialah sebahagian daripada sebuah kampung besar. Justru itu dikatakan bahawa MMT tidak ada sistem bandar⁵⁶ sehingga tidak terdapat perbezaan antara kawasan yang dianggap kota dengan kawasan kampung.⁵⁷ Yang demikian pemerintah tersebut bergantung kepada kampung, iaitu unit sosial yang utama.⁵⁸

Dalam konteks ini, jelas MMT adalah didirikan atas dasar persaudaran dan bergantung sesama anggotanya. Peraturan hidup berkampung seolah-olah mengemukakan bahawa setiap anggota memerlukan bantuan dan memberi bantuan kepada anggota yang lain. Hubungan seperti ini adalah suatu yang bukan ganjil, kerana kajian-kajian yang dibuat seperti oleh Malinowski⁵⁹ dan Mauss⁶⁰ telah menunjukkan bahawa persaudaraan adalah struktur asas masyarakat tradisional. Hubungan itu diasaskan kepada persetujuan yang mudah iaitu seseorang yang mendapat pertolongan akan pula membalasnya.

Struktur dan hubungan persaudaraan inilah yang cuba dihidupkan kembali di setengah negara bekas, koloni, yang telah dihancurkan oleh Kolonialisme. Pr. Julius Nyerere telah membuat *Arusha Declaration*. Peristiharan itu cuba membangun semula negara Tanzania atas falsafah *ujammaa* (persaudaraan).⁶¹

⁵⁴ S. Husin Ali, *Masyarakat dan Kepimpinan Kampung*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1977; R. O. L. Burr ridge, *The Malay Composition of a Village in Johore*, *JMBRAS*, XXIX, pt. 2, 1956; J. Djamour, *Malay Kinship and Marriage in Singapore*, London: The Athlone Press, 1959; R. Downs, *A Kelantanese Village of Malaya*, dlm., J. H. Steward, ed., *Contemporary Change in Traditional Societies*, Illinois: Illinois University Press, 1967; M. Nash, *Peasant Citizens: Politics, Religion and Modernization in Kelantan Malaysia*, Athens: Ohio University Center for International Studies, 1974.

⁵⁵ M. Nash, 1974, *Ibid*, hal. 41.

⁵⁶ Lim Heng Kow, *The Evolution of The Urban System in Malaya*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1978, hal. 1.

⁵⁷ A. Reid, *The Structure of Cities in Southeast Asia, Fifteenth to Seventeenth Centuries*, *Journal of Southeast Asian Studies*, XI, 1980, Nov.

⁵⁸ J. D. Legge, *Indonesia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1972, hal. 6-7.

⁵⁹ B. Malinowski, *Crime and Custom in Savage Society*, London: Paul French & Trubner, 1932.

⁶⁰ M. Mauss, *The Gift: Forms and Functions of Exchange in Archaic Society*, Glencoe: Free Press, 1954.

⁶¹ J. Nyerere, *Ujamaa: Essays on Socialism*, Dar es Salaam: Oxford University Press, 1968, hal.

Perbahasan Lanjut

Walaupun terdapat peristiwa pertentangan dan penindasan dalam MMT, perlu dilihat bagaimana kewujudan itu terjadi. Apakah ia suatu kebiasaan? Apabila ada bentuk-bentuk hubungan demikian, yang sama dengan masyarakat asing, maka apakah kesamaan semesti pula dua perkara yang sama?

Sesebuah teori atau konsep hanyalah generalisasi daripada keseluruhan ataupun ia suatu rumusan yang ideal. Oleh itu sesebuah konsep atau teori yang baik ialah generalisasi yang boleh hampir kepada realiti keseluruhannya, meskipun ia suatu bentuk yang telah dipermudahkan daripada realiti yang ada.

Menerangkan satu menganalisis sesebuah masyarakat, berdasarkan konsep yang wujud dalam masyarakat asing hanya boleh menghilangkan sifat-sifat sebenar (realiti) masyarakat yang berkenaan.

Suatu hakikat harus diterima, bahawa betapapun padu dan utuh struktur satu hubungan masyarakat, kerana masyarakat itu bersifat dinamik, maka masa-masa tertentu ia mengalami krisis. Semasa krisis inilah sesuatu yang lain daripada kebiasaan dan kelaziman akan muncul. Suatu hakikat lain juga perlu diukur bahawa pengawalan ke atas penindasan sukar dilaksanakan apabila kekuasaan dipusatkan kepada suatu orang/golongan kecil. Penyalahgunaan kuasa akan berlaku tanpa mengira zaman dan masyarakat. Dalam masyarakat moden yang mementingkan dan memperjuangkan hak asasi manusia, penyalahgunaan kuasa penindasan, pemerasan dan penipuan terus berlaku. Contoh yang paling mudah ialah kilang-kilang industri, di mana terdapat waktu kerja yang lama dan tidak selesa, gaji murah, kemalangan da tidak ada jaminan untuk masa depan.

Di sini tidak dinafikan sama sekali kemunculan krisis-krisis dalam MMT. Malah krisis yang mengancam masyarakat Melayu ialah yang dibawa atau berpunca daripada penularan dan pembelitan mencantilism dan Kolonialisme. Struktur dan hubungan *binary* adalah sebenarnya sifat kapitalisme, bukan unsur atau sifat masyarakat tempatan.

Oleh itu adalah tidak keterlaluan kalau seorang sarjana tempatan berpendapat bahawa struktur dan hubungan masyarakat Melayu adalah padu. Ia bukan terdiri daripada unsur-unsur yang *discrete*, terpisah antara satu sama lain dalam kesatuan yang longgar tetapi unsur-unsur itu berpadu secara utuh dan teguh.⁶² Satu bahagian memerlukan bahagian yang lain dan bahagian-bahagian itu saling melengkapi. Dengan itu struktur dan hubungan MMT tidak diasaskan kepada hubungan *binary* tetapi lebih bercorak *complementary*.

Dengan itu agak sukar bagi saya untuk menerima *dualisma* sebagai pola masyarakat dan kebudayaan MT. Tidak terdapat perbezaan yang ketara antara apa yang dinamakan *Little Tradition* dengan *Great Tradition* (Redfield 1956) sebagaimana yang wujud dalam masyarakat tradisional Eropah.

Gambaran yang diberi menyarankan seolah-olah terdapat di satu pihak golongan rakyat/petani yang buta huruf, miskin, diperas dan statik, manakala pemerintah pula adalah terpalajar, kaya, aktif dan dinamik, dan diantara kedua-duanya

⁶² Zainal Kling, Masalah Kesarjanaan Melayu-Tafsiran Rangka Kebudayaan Melayu, Kertas seminar: Simposium Kesarjanaan Melayu 2, Bangi, 1982.

terdapat sedikit sekali persamaan.⁶³ Kedua-duanya mempunyai aturan sistem sosial tetap yang bergerak sebelah menyebeloh.⁶⁴

Pemerintah dan rakyat dalam MMT mengongsi dan berada dalam satu dunia yang sama – di kalangan pemerintah dan rakyat terdapat yang buta atau celik huruf, miskin, statik, terpelajar, aktif dan dinamik. Higgins pernah mencata bahawa penyelidik barat yang melihat keadaan demikian merasa terkejut. Mereka dapati bahawa setiap anggota masyarakat mempunyai kemahiran yang sama, sama ada dia rakyat atau anak raja⁶⁵ manakala Abdullah Munshi juga pernah mencatat bahawa ramai anak-anak raja Kelantan yang buta huruf dan perwatakan mereka hampir sama dengan rakyat.⁶⁶

Kesimpulan

Sesebuah teori juga dianggap sebagai *approximation* dan pertunjuk arah kepada kajian. *Approximation* dan pertunjuk arah yang paling hampir dengan realiti ialah teori atau konsep yang lahir ataupun terdapat dalam realiti (masyarakat) yang berkenaan. Dengan itu SM menawarkan konsep atau teori yang lebih mendekati realiti yang ada dalam MMT.

SM mengemukakan konsep hubungan dan struktur MMT. Rakyat yang terdiri daripada petani dan nelayan bukanlah bahagian masyarakat yang secara sepenuhnya/seluruhnya tertakluk kepada pemerintah. Untuk memilih pertuanan atau pemerintah adalah hak mutlak seseorang dan tidak sesiapa boleh mengambil/menyekat kebebasan (hak) tersebut. Rakyat boleh berpindah dari satu pertuanan kepada pertuanan yang lain. Rakyat sebagai pengeluar bahan makanan boleh dan berupaya menjadikan diri mereka faktor yang menentukan kekuatan seseorang pemerintah.

Kekuatan pemerintah bergantung kepada pengeluaran hasil pertanian. Seseorang raja yang ingin menjadikan negerinya kuat, perlu menyediakan keamanan dan keselesaan (keadilan) untuk rakyatnya hidup, manakala rakyat mengakui pemerintahan setelah pemerintah memberi jaminan tersebut. Pemerintah yang baik, akan memberi peluang kepada kekuatan negaranya. Semuanya itu dikisahkan oleh SM melalui watak-watak Sultan Allauddin, Mansur Shah dan Mahmud Shah – kisah raja yang adil dan raja yang tidak adil.

Dalam MMT setiap orang anggota mempunyai hak dan tanggungjawab dan setiap anggota berupaya melaksanakan hak dan tanggungjawab tersebut. Rakyat walaupun diperintah oleh pemerintah, bukanlah entiti sosial yang tidak mempunyai apa-apa kekuatan (arsenal of weapon). Mereka mempunyai kekuatan dan apabila

⁶³ N. V. Riasanovsky, Afterword: The Problem of Peasant, dlm., W. S. Vacinich, ed., *The Peasant in Nineteenth Century Russia*, Stanford: Stanford University Press, 1968, hal. 264.

⁶⁴ T. Shanin, *The Awkward Class*, London: Clarendon Press, 1972, hal. 25.

⁶⁵ B. C. Higgins dan J. Higgins, *Indonesia: The Crisis of the Millstones*, New Jersey: D. Van Nostrand, 1963, hal. 39.

⁶⁶ Abdullah Munshi, 1967, op. cit.

dilancarkan boleh mengancam kedudukan pemerintah — seperti berpindah, menukar pertuanan atau tidak bekerja sehingga negeri kekurangan makanan.

Jikalau anak buah tuanku dahulu mengubah, maka anak cucu patikpun mengubahlah.

Demang Lebar Daun.

Rujukan

- Abdullah Munsni, 1967, *Kisah Pelayaran Abdullah*, Oxford Universiti Press, Kuala Lumpur.
- Abdul Aziz, 1982, "Melalui Berita Mulut", *Kurier*, Ok-Nov.
- Achebe, C., 1983, "Mapping out identity", *South*, Jan.
- Annual Report, Sel 1904.
- Annual Report, NS 1892.
- Annual Report, PK 1890.
- Black, C (ed.), 1960, *The Transformation of Russia Society* Cambridge.
- Burridge, K.O.L., 1956, "The Malay Composition of A Village in Johore", *JMBRAS*, XXIX, pt. 3.
- Chinweizu, 1983, "DeColonising the Mind" *South*, Jan.
- Dilokvidhyarat, 1983, *Internal Colonialisme and Rural Resistance: A Preliminary Study on Absolutizing of the state in the Nineteenth Century and Reactions*, Persatuan Sains Sosial Malaysia. Kuala Lumpur.
- Djamour, J, 1959, *Malay Kinship and Marriage in Singapore*, The Athlone Press, London.
- Downs, R, 1967, "A Kelantanese Village of Malaya", Steward. J.H., (ed.), *Contemporary change in Traditional Societies*, University of Illinois Press, Illinois.
- Drewes, 1955, "Indonesia: Mysticism and Activism", Van Grunebaun (ed.), *Unity and variety in Muslim Civilization*, Chicago University Press, Chicago.
- Emerson, R, 1969, *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur.
- Gullick, J.M., 1978, *Sistem Politik Bumiputera Tonah Melayu Barat*, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur.
- Garaham, W.A., 1908, *Kelantan: A state of the Malay Peninsula*, Glasgow.
- Hanapi Dollah, 1982, *Institusi Perhambaan Dalam Masyarakat Melayu Tradisi and: Satu Analisa dari segi Teori Nilai Malaysia Dalam Sejarah*, Persatuan sejarah Malaysia, Kuala Lumpur.
- Hinggis, B.L. dan Hinggis S.J., 1963, *Indonesia: The Crisis of the Millstones*, D. Van Nostrand Co. Inc., New Jersey.
- Hoogvelt, A.M.M., 1976, *The Sociology of Developing Societies*, Macmillan Press, Ltd., London.
- Kassim Ahmad, 1980, *Risalah Masalah Teori Sosial Moden Islam*, Penerbit Pena Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
- Khoo Kay Kim, 1972, *The Western Malay State 1850-1873*, Oxford University Press, Kuala Lumpur.
- Khoo Kay Kim, 1978, "Kata Pengantar", Yusoff Iskandar dan Ab. Rahman Kaeh, *Sejarah Melayu, Satu perbincangan Kritis Dari Pelbagai Bidang*, Heinemann, Kuala Lumpur.
- Kirdophol, S., 1976, "Government Policy is Leading to Disaster in the Hills", *Bangkok Post* Jan, 4th.
- Kodsy, A.E, dan Lobel, E., 1970, *The Arab World and Israel*, Monthly Review Press, New York and London.
- Kroeber, AL, 1948, *Anthropology*, Harcourt, Brace and World Inc., New York.
- Laurenson, D., dan Swingewood, A., 1972, *The Sociology of Literature*, Paladin London.
- Legge, J.D., 1972, *Indonesia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Lerner, D., 1958, *The Passing of Traditional Society*, Free Press, New York.
- Lim Heng Kow, 1978, *The Evolution of the Urban System in Malaya*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Malinowski, B., 1932, *Crime and Custom in Savage Society*, Paul, French and Trubner, London.
- Mauss, M., 1954, *The Gift: Froms and Functions of Exchange in Archaic Society*, Free Press, Glencoe.
- Muhammad Hj. Salleh dan Harun Mat Piah, 1982, *Jalan Di Sebarang Simpang: Arah Pengajian Sastera Melayu Tradisional*, Simposium Antarabangsa Kesusasteraan Melayu Tradisional, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Nadwi, A., 1983, "The Case the Orientalists Must Answer", *Arabia*, Jan.
- Nash, M., 1974, *Peasant Citizens, Politics, Religion and Modernization in Kelantan Malaysia*, Ohio University Center for International Studies, Athens.
- Nyerere, J., 1968, *Ujamaa: Essays on Socialism*, Oxford University Press, Dar es Salaam.
- Philip Loh Fook Seng, 1969, *The Malay States 1877-1895, Political Change and Social Policy*, Oxford University Press, Kuala Lumpur.
- Pramoedya Ananta Toer, 1983, *Sikap dan Peranan di dunia Ketiga, Khususnya di Indonesia* Persatuan Sains Sosial Malaysia, Kuala Lumpur.
- Rahmat Saripan, 1979, *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan 1776-1842*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Redfield, R., 1956, *Peasant Society and Culture: An Anthropological Approach to Civilization*, University of Chicago Press, Chicago.
- Reid, A., 1980, "The Structure of Cities in Southeast Asia, Fifteenth to Seventeenth Centuries", *Journal of Southeast Asia Studies*, Vol XI, No.
- Rentse, A., 1934, "History of Kelantan 1", *JMBRAS* Vol. XIII, pt 2.
- Riasanovsky, N.V., 1968, "Afterword: The Problem of the Peasant" Vacinich, W.S. (ed.), *The Peasant in Nineteenth Century Russia*, Stanford University Press, Stanford.
- Sadka, E., 1968, *The Protected Malay States 1874-1895*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur.
- Shannin, T., 1972, *The Awkward Class*, Clarendon Press, London.
- Sulaiman Daud, 1982, Sejarah: Kaji Penghayatan Pelakon utama, *Berita Minggu*, 30hb. Okt.
- S. Husin Ali, 1977, *Masyarakat dan Pimpinan Kampung*, Fajar Bakti Sdn, Kuala Lumpur.
- S. Hussein al-Attas, 1972, *Modernization and Social Change* Augus and Robertson Pub., Sydney.
- S. Naquib Al Attas, 1972, *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Taib Osman, t.t, *Kepercayaan Tradisional/Warisan Dalam Sistem Kepercayaan Orang Melayu, Di Tinjau Dengan Pendekatan Anthropologi* Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Thorner, D., 1963, "Peasant Economy as A Category in Economic History", *Economic Weekly* Special Number, Bombay 1963.
- Turner, B.S., 1978, *Marx and The End of Orientalisme*, George Allen and Unwin, London.
- Wan Hashim Wan Teh, 1980, "Perkembangan Pengajian Kaum Tani Melayu, Persoalan Definisi" *Jurnal Anthropologi dan Sosiologi*, Jil. 8.
- Wilkinson, R.J., 1911, "Notes on The Negeri Sembilan", *PMS*.
- Wilkinson, R.J., 1924, "Event Prior to the British Ascendency and Notes on Perak", *PMS*.
- Wilkinson, R.J., 1934, "History of Perak", *JMBRAS*, XII, pt. 1.
- Winstedt, R.O., 1934, "History of Selangor", *JMBRAS*, XII, pt. 2.
- Winstedt, R.O., 1934, "History of Negeri Sembilan", *JMBRAS*, XII, pt. 3.
- Wolf, E., 1966, *Peasant*, Prentice-Hall, Engle-Wood, New Jersey.
- Zainal Abidin Wahid, 1979, "Sejarah Dalam Pembangunan Malaysia", *Sejarah dan Proses Pembangunan*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur.
- Zainal Kling, 1982, *Masalah Kesarjanaan Melayu-Tafsiran Rangka*, Kebudayaan Melayu, Simposium Kesarjanaan Melayu II, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Zainal Kling, 1983, "Penulisan dan Realiti", *Dewan Sastera*, Jan.